

24/03/2002

Jangan lupa date Anita 7 April

Hanizam

TEMAN dah agak, kalau bercakap mengenai Siti Nurhaliza, pasti banyaklah feedback yang teman dapat. Maka, penuh kotak e-mel teman minggu ini berikutan dakwaan kononnya penyanyi yang baru saja melancarkan album terbarunya, Sanggar Mustika itu sanggup beli wartawan untuk gah dan popular. Yang marah pastilah ramai, tetapi ada juga mengganggu kepala.

Kisah itu juga menjadi gurauan nakal di kalangan teman wartawan. Malah, ketika bertemu kawan lama, Muzlina Abu Bakar, baru-baru ini pun, teman dan suku-sakat tak habis-habis mengusiknya sama ada kereta Mercedes sport berwarna merah miliknya itu turut dibeli Siti Nurhaliza.

"Eh...tolong sikit. Aku boleh beli sendiri. Tak payah Siti Nurhaliza!" katanya. Tetapi soalan cepumas yang teman terima, baik dari dalam dan luar pejabat adalah, "Siapalah artis yang dimaksudkan itu?"

Sebenarnya, ketika menulis itu tidak terlintas pun wajah mana-mana artis yang kononnya memang sakit hati benar dengan budak Siti ni. Teman pun tak mahulah serkap jarang dalam kes ini. Kalau ada sesiapa yang terasa atau tersinggung dengan tulisan teman, minta maaf sajalah.

Cuma, jika benarlah ada artis yang memang sakit hati dengan budak Siti tu, buanglah saja perasaan itu. Bukan saja Siti seorang, malah sesiapa saja yang berjuang dalam bidang yang sama, buanglah saja perasaan dengki mendengki sesama sendiri itu. Masing-masing ada keistimewaannya.

Tetapi yang sah, superstar Anita Sarawak yang akan menggegarkan Stadium Putra Bukit Jalil dalam konsertnya pada 7 April ini, memang mengagumi Siti. Anita, yang ditemani suaminya, Mohd Mahathir Abdullah dalam satu sesi bertemu orang media sempena konsertnya itu, menyebut nama Siti Nurhaliza sebagai antara artis yang akan pergi jauh.

Anita berkata demikian ketika ditanya siapakah tiga artis Malaysia yang mahu digilapnya dan seterusnya dipromosikan di peringkat antarabangsa. Nama Siti terkeluar dulu diikuti Yassin Mimpai Laila dan pasangan Nurul dan Ajai.

"Dia memang cantik dan talented. Dalam usia yang semuda itu, dia bijak menampilkan dirinya dan berjaya meletakkan dirinya dalam dunia seni suara. Barangkali anda tidak perasan kerana sering melihat dan mendengar mengenainya saban hari. Saya hanya melihat dan mengikuti perkembangan mengenai budak muda ini dari jauh. Tetapi, ketika pertama kali melihat dan mengetahui mengenainya saya seolah-olah sudah tahu bahawa YES SHE'S THE ONE," katanya.

Bertenanglah, kerana itu bukanlah statement teman tetapi lontaran suara seorang yang memang layak menggagas gelaran supestar atau diva. Anita memang the true blue diva. Lebih sejam bersamanya dalam pertemuan paling santai itu teman dapat memahami mengapa dia boleh berjaya (baca kisah dan kemesraannya dengan Mahathir di muka 17).

Dia bukan saja cantik dan menarik walaupun dalam usianya yang mencecah 50 tahun (semalam birthday Anita dan Happy Birthday Anita), tetapi Anita memang bijak. Lebih dari itu tiada elemen sombong atau bongkak dalam diri Anita. Tiada juga dengki atau dendam. Malah dia memang humble dan penuh dengan sense of humour. Kualiti itulah yang membuatkan bukan saja Mahathir terpikat dan jatuh cinta dengannya, tetapi ribuan peminatnya di rantau ini dan juga di Amerika Syarikat dan sesiapa saja yang mengenali dirinya.

Tanpa diketahui ramai, rupa-rupanya dia pernah mengadakan beberapa konsert amal di Kuala Lumpur dan di Kota Kinabalu. Apa lagi yang boleh teman katakan mengenai wanita yang bersemangat tinggi ini.

Teman berkongsi kisah ini dengan pembaca kerana ketika pihak akhbar teman berhasrat menjadikan dirinya sebagai penerima Anugerah Khas Bintang Popular dua tahun lalu, ada suara yang mempertikaikannya.

Kini, tidur teman memang lena kerana anugerah itu memang layak milik Anita. Tak sabar rasanya untuk melihat aksi Anita di Stadium Putra. Ayuh, pembaca budiman, date Anita 7 April ini dan saksikan sendiri kehebatannya. Seperti kata suaminya, "She will rock you!" Eh... Anita tak beli wartawan tau! - hanizam@bharian.com.my

(END)